

Terengganu catat kematian baharu

BH 12/10/14 MS 16.

» Mangsa denggi dimasukkan ke HSNZ 8 Oktober selepas demam dua hari

Oleh Noor Aznida Alias
bhkt@bh.com.my

■ Kuala Terengganu

Terengganu mencatatkan satu kes kematian baharu akibat denggi, Rabu lalu, menjadikan jumlah keseluruhan dua kes kematian akibat demam berkecenaan tahun ini, berbanding tiada kes tahun lalu.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr Anwa Sulaiman, berkata lelaki berusia 26 tahun berasal dari Kampung Pulau Rusa, di sini yang mempunyai sejarah hipertensi, anemia dan kegagalan buah pinggang dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), 8 Oktober



“Doktor mengesahkan penyebab kematiannya ialah denggi dan komplikasi paru-paru berair akibat jangkitan kuman pada jantung serta kegagalan buah pinggang kronik”

Dr Anwa Sulaiman,
Pengarah Kesihatan Terengganu

lalu selepas demam dua hari.

Beliau berkata, mangsa selama ini menjalani rawatan haemodialisis di HSNZ sebanyak tiga kali seminggu sejak tahun 2006.

Dijangka kuman

“Doktor mengesahkan penyebab kematiannya ialah denggi dan komplikasi paru-paru berair akibat jangkitan kuman pada jantung serta kegagalan buah pinggang kronik. Ini kes kedua serangan denggi dari salah satu lokaliti wabak di daerah Kuala Terengganu,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sehingga 15 Oktober lalu, Terengganu mencatatkan 1,181 kes denggi berbanding 403 kes tahun sebelumnya, iaitu peningkatan 193 peratus. Semua daerah mencatatkan peningkatan kes yang membimbangkan kecuali Setiu yang merekodkan penurunan kes.

Kuala Terengganu mencatatkan kes denggi tertinggi iaitu 772 kes, Besut (93), Marang (88), Kemaman (78), Hulu Terengganu (47), Dungun (88) dan Setiu (15).

INFO

MAKLUMAT
KES DENGGI
TERKINI
(17 Oktober 2014)



Negeri	JUMLAH KES HARIAN	JUMLAH KES TERKUMPUL 2014
Johor	26	4,633
Kedah	1	809
Kelantan	23	13,432
Melaka	8	2,125
Negeri Sembilan	10	3,139
Pahang	7	1,413
Perak	17	4,355
Perlis	2	196
Pulau Pinang	19	1,753
Sabah	4	1,032
Sarawak	14	1,556
Selangor	236	39,314
Terengganu	17	1,171
WP Kuala Lumpur	19	5,488
WP Labuan	0	11
WP Putrajaya	1	264
Jumlah kes	404	80,691